



TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PENDEK TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, TAMAN RIMBA BUKIT MERTAJAM, HUTAN PELAJARAN AIR ITAM DALAM DAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR UNTUK KEGUNAAN MUZIUM PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2021/20

Dokumen Sebut harga ini mengandungi **23** muka surat tidak termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUT HARGA

(Kew.248)

LAMPIRAN ' Q '
KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA NO: JPNPP/400-17/2021/20

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebutharga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebutharga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan : Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan : Secepat mungkin.
4. Pengirim : Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 20 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran : Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai dialamat diatas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **06/04/2021(Selasa)** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebut harga no : **JPNPP/400-17/2021/20**".

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk : **SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PENDEK TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, TAMAN RIMBA BUKIT MERTAJAM, HUTAN PELAJARAN AIR ITAM DALAM DAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR UNTUK KEGUNAAN MUZIUM PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2021/20**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

| Bil. | Spesifikasi Kerja | Kuantiti | Kadar Harga (RM) | Jumlah Harga (RM) |
|-------------|--|-----------------|-------------------------|--------------------------|
| 1.0 | KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM. | | | |
| | KEHENDAK KONTRAK. | | | |
| 1.1 | Menyediakan laporan bergambar bagi kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas siap kerja sebanyak 2 salinan. | Pikal | | |
| 1.2 | Menyediakan softcopy video dan gambar dalam bentuk CD dan Pendrive termasuk membekal 10 unit CD dan 3 unit Pendrive. | Pikal | | |
| | JUMLAH | | | |

| Bil. | Spesifikasi Kerja | Kuantiti | Kadar Harga (RM) | Jumlah Harga (RM) |
|------------|--|----------|------------------|-------------------|
| 2.0 | Video Dokumentari | | | |
| 2.1 | <p>Kerja-kerja penghasilan, penyediaan dan penerbitan video pendek mengenai Taman Rimba, Taman Negeri dan Hutan Pelajaran termasuk memberi idea, konsep video, skrip dan jalan-cerita mengikut kehendak Pegawai.</p> <p>TAJUK VIDEO : DOKUMENTARI MENGENAI TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, TAMAN RIMBA BUKIT MERTAJAM, HUTAN PELAJARAN AIR ITAM DALAM, TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR</p> <p>JANGKAMASA : 2 MINIT BAGI SETIAP LOKASI</p> <p>BAHASA : DWIBAHASA</p> <p>TERJEMAHAN : BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS</p> | Pukal | | |
| 3.0 | Peralatan Penggambaran | | | |
| 3.1 | <p>Kerja-kerja membekalkan peralatan penggambaran dan krew produksi semasa penghasilan video sedang dijalankan di tapak termasuk Pengurus Produksi, Penolong Pengarah Produksi, seorang Pengacara, Jurukamera, Perakam Suara, Suntingan, Kumpulan Kajian serta yang berkaitan dengan video dokumentari mengikut kehendak Pegawai.</p> | Pukal | | |
| 3.2 | <p>Lain-lain kos yang terlibat termasuk kos logistic dan pengangkutan persendirian.</p> | Pukal | | |
| | JUMLAH | | | |

| Bil. | Spesifikasi Kerja | Kuantiti | Kadar Harga (RM) | Jumlah Harga (RM) |
|-------------|--|-----------------|-------------------------|--------------------------|
| 4.0 | Kerja-kerja berkaitan | | | |
| 4.1 | Kerja-kerja menghasilkan gambar menarik mengenai alam semula jadi termasuk menyunting pada setiap Kawasan penggambaran dan diserahkan dalam bentuk softcopy dan hardcopy mengikut arahan Pegawai Penguasa. | 40 no | | |
| | JUMLAH | | | |

JUMLAH KESELURUHAN : RM.....

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH SIAP KERJA : MINGGU

.....

Tandatangan
Metri atau Cop Syarikat

SYARAT-SYARAT KONTRAK.

- 1.0 Denda.
Denda kelewatan Siap Kerja sebanyak RM25.00 / hari boleh dikenakan.
- 2.0 Sebelum Inden Kerja dikeluarkan, pemborong adalah dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri perkara-perkara berikut:

| Polisi – Polisi | Nilai |
|----------------------|---|
| i. Insuran Kerja | 100% dari harga sebutharga |
| ii. Pampasan Pekerja | 30% dari harga sebutharga |
| iii. Pampasan Amdan | RM10,000 untuk harga sebutharga yang tidak melebihi RM25,000 dan RM25,000 untuk harga sebutharga diantara RM25,000 hingga RM50,000. |

- 3.0 Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebutharga ini.
- 4.0 Pemborong mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebutharga dari pemborong berkenaan akan ditolak.
- 5.0 Pemborong yang **enggan** menandatangani sesuatu sebutharga selepas sebutharganya diterima atau **menarik balik** sebutharganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**.
- 6.0 Sekiranya pemborong **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Jabatan Perhutanan berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.
- 7.0 Sekiranya pihak jabatan **tidak berpuashati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, jabatan boleh **membatalkan** tawarannya atau kontrak yang telah dikeluarkan

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi
(SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PENDEK TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, TAMAN RIMBA BUKIT MERTA JAM, HUTAN PELAJARAN AIR ITAM DALAM DAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR UNTUK KEGUNAAN MUZIUM PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG JPNPP/400-17/2021/20)

Saya,nombor K.P.yang mewakili.....nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- ▲ penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
- ▲ penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
- ▲ lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JNPP/400-17/2021/20** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **..8..**minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM10.00.....** (Ringgit Malaysia:**Sepuluh**..... sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

* Pengiraan harga dokumen sebu tharga hendaklah dbuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor- kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12)

bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil : JPNPP/400-17/2021/20

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:
.....(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:.....

K/P:.....

Alamat:.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....

Meterai atau Cop Kontraktor

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

.....

.....

Sebut harga

.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

| Bil. | Huraian Kerja | Jumlah Harga Pukal (RM) |
|------|-------------------------------------|-------------------------|
| | | |
| | Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga | |

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....

Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Kontraktor mesti memberikan maklumat sepenuhnya diborang Bahagian A, B, & C ini. Jika tidak mereka dianggap menyalahi syarat-syarat sebutharga.

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. Kelas : Tajuk/Tajuk Kecil: Tarikh Didaftar
.....
4. Ahli-ahli Pengurusan:

| Nama | Jawatan | Kelulusan/Akademik/Iktisas |
|------|---------|----------------------------|
| | | |

BAHAGIAN B

Senaraikan tiga kerja-kerja yang TELAH disiapkan.

| Nama Projek | Agensi yang mengawasi projek | Harga (RM) | Tempoh | Tarikh siap sebenar |
|-------------|------------------------------|------------|--------|---------------------|
| | | | | |

BAHAGIAN C

Senaraikan tiga kerja-kerja yang SEDANG disiapkan.

| Nama Projek | Agensi yang mengawasi projek | Harga (RM) | Tempoh | % Kemajuan semasa |
|-------------|------------------------------|------------|--------|-------------------|
| | | | | |

LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

| Bil | Perkara/Dokumen | Untuk Di tanda Oleh syarikat | Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga |
|------------|---|-------------------------------------|---|
| 1 | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2 | Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3 | Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4 | Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5 | Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6 | Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7 | Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8 | Borang Maklumat Penyebut harga | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9 | Pematuhan Kepada spesifikasi | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 11 | Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 12 | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

| Bil | Perkara/Dokumen | Untuk Di tanda Oleh syarikat | Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga |
|-----|---|------------------------------|--|
| 13 | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 14 | Surat Akuan Pembida | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 15 | Lain-lain Sekiranya Ada | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

| | |
|--|---|
| <p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> | <p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> |
|--|---|

**KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
BIL. SEBUT HARGA : JPNPP/400-17/2021/20**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **KOD BIDANG PENDAFTARAN 221308 – Perkhidmatan bagi Kesenian, Hiburan dan Pelancongan bagi Dokumentasi dan Panduarah dari Pulau Pinang Sahaja** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

| No. Sebut harga | Perihal Kerja : |
|-----------------------------|---|
| JPNPP/400-17/2021/20 | SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO PENDEK TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, TAMAN RIMBA BUKIT MERTAJAM, HUTAN PELAJARAN AIR ITAM DALAM DAN TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR UNTUK KEGUNAAN MUZIUM PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG |

2. Dokumen-dokumen sebut harga boleh disemak pada waktu pejabat di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Tingkat 34, MENARA KOMTAR, Pulau Pinang dari **25 Mac 2021**.
3. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu lawatan tapak pada **(Rabu) 31 Mac 2021**. Kontraktor-kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **MUZIUM PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG, TAMAN RIMBA TELOK BAHANG, PULAU PINANG, JAM 10.00 PAGI** pada hari tersebut.
4. Borang sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah dikehendaki mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (**MOF**) yang berkaitan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. Sebarang **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikemukakan tidak akan dilayan.
5. Lawatan tapak hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat berkenaan dan bukan diwakilkan dengan mengemukakan salinan sijil asal.
6. Borang sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web <http://ep.penang.gov.my> dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) mulai **31 Mac 2021**.
7. Sebut harga ini akan ditutup pada **(Selasa) 6 April 2021**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga di Tingkat 34, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sebelum **JAM 12.00 Tengahari**.

8. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

Tarikh:

- 1) Kontraktor/ penyebut harga yang hadir perlu menjalani pengukuran suhu badan di Pejabat Hutan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang sebelum berurusan bagi mendaftar kehadiran;**
- 2) Kontraktor/penyebut harga perlu mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia atas pemakaian penutup hidung dan muka (*face mask*) dan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitizer*);**
- 3) Kontraktor/penyebut harga yang disaring dengan suhu 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula ; dan**
- 4) Penjarakan sosial perlu dipatuhi setiap masa.**